
PENYALAHGUNAAN KETUM DALAM KALANGAN REMAJA FELDA: SATU KAJIAN DI PERLIS

Noor Aizidawanie binti Tahir, *Noor Hassline binti Mohamed, & Norsimah binti Dasan

Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah

*Corresponding email: hassline@ums.edu.my

Received date: 26 May 2021; Accepted date: 9 July 2021

Abstrak: Penyalahgunaan ketum bukanlah suatu isu yang baharu dalam masyarakat kita pada hari ini. Di media-media massa banyak memaparkan berita-berita berkenaan dengan penyalahgunaan ketum. Apa yang membimbangkan, isu ini juga melibatkan golongan remaja yang merupakan pelapis pada pembangunan negara pada masa hadapan. Jadi, kajian ini bertujuan untuk meneroka penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja Felda. Seramai 5 orang individu yang terdiri daripada remaja Felda telah dijadikan sebagai subjek dalam kajian ini. Kajian ini berbentuk kualitatif yang menggunakan temubual semi struktur bertujuan meneroka secara mendalam mengenai faktor-faktor penglibatan remaja Felda dalam penyalahgunaan ketum dan juga mengkaji tren penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja Felda. Teori Pembelajaran Sosial dan juga Teori Ekologi digunakan oleh pengkaji sebagai kerangka memahami faktor-faktor penyalahgunaan ketum dan juga tren penggunaan air ketum dalam kalangan remaja Felda. Dapatkan kajian mendapati bahawa terdapat beberapa faktor yang mempengaruhi remaja Felda dalam terlibat dengan penyalahgunaan ketum. Antaranya ialah rakan sebaya, sikap ingin mencuba, kesihatan dan ingin mendapatkan kekuatan fizikal. Manakala tren yang dikenalpasti adalah dari cara pengambilan, kelompok rakan sebaya dan juga persekitaran. Jadi, berdasarkan dapatkan yang diperolehi, isu penyalahgunaan ketum ini perlu dihat secara serius agar masa hadapan golongan belia Felda lebih terjamin pada masa hadapan dalam meneruskan legasi pembangunan Felda.

Kata Kunci: Ketum, Felda, Teori Pembelajaran Sosial, Teori Ekologi, Faktor-faktor, Tren

PENDAHULUAN

Manfaat dan mudarat ketum terus menjadi polemik dalam masyarakat hari ini. Walaupun dari satu sudut, ketum mempunyai nilai perubatan, namun wujud kebimbangan tentang kemudaratannya yang boleh

memarakkan kebejatan sosial akibat daripada penyalahgunaannya. Menurut Nurkumala (2018), penyalahgunaan ketum akan menyebabkan gejala ketagihan menjadi punca kepada polemik ini berterusan.

Pokok ketum atau pokok biak atau nama saintifiknya *Mitragyna speciosa* adalah sejenis tumbuhan daripada famili *Rubiaceae* yang banyak terdapat di negeri-negeri sebelah utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Ia hidup subur di kawasan bertanah lembap yang mempunyai kandungan humus yang tinggi. Kebanyakannya ditemui tumbuh secara liar di kawasan-kawasan hutan dan persekitaran kampung. Pokok ketum bukan hanya terkenal di Malaysia bahkan juga di negara jiran seperti Thailand.

Kesalahan yang melibatkan ketum sekarang diletakkan di bawah Seksyen 30 Akta Racun Merbahaya yang mana adalah satu kesalahan bagi aktiviti pengimportan, pengeksportan, pengilangan, penjualan dan pemilikan bahan-bahan psikotropik yang tersebut.

Selain itu, dari perspektif agama, terdapat fatwa yang telah dikeluarkan berkenaan penyalahgunaan ketum. Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Kedah yang bersidang pada 03 Oktober 2005 bersamaan 09 Syaaban 1426 telah membincangkan mengenai air daun ketum Mesyuarat memutuskan bahawa meminumnya sehingga memabukkan dengan dicampurkan dengan bahan-bahan yang lain maka hukumnya adalah haram (JAKIM, 2005).

Apa yang lebih membimbangkan adalah kebanyakan kes yang berlaku adalah melibatkan kawasan Felda. Felda merupakan satu entiti besar dan agenda utama pembangunan negara. Sejak ditubuhkan Felda telah membangunkan kawasan seluas 853,313 hektar dan menempatkan seramai 119,180 peneroka. Daripada bilangan ini, seramai 112,635 bersama Felda dan ditempatkan di 317 buah rancangan (Dasar-Dasar Felda, 2012).

Dengan perkembangan penduduk di rancangan Felda, ia turut meningkatkan populasi dalam kalangan remaja di Felda dan secara tidak langsung menyumbang ke arah peningkatan gejala sosial termasuklah isu penyalahgunaan ketum.

Penyataan Masalah

Pelbagai usaha telah dijalankan oleh pelbagai pihak terutamanya pihak kerajaan dalam menangani masalah penyalahgunaan ketum sama ada dari aspek penguatkuasaan undang-undang dan juga dari segi agama. Walaupun begitu, kes-kes yang melibatkan penyalahgunaan ketum sama ada dari segi rampasan daun ketum atau air ketum masih lagi menunjukkan angka yang sangat membimbangkan. Hal ini dibuktikan dengan statistik rampasan oleh Agensi Kawalan Sempadan Malaysia pada tahun 2019.

Jika dilihat, Perlis walaupun sebuah negeri yang kecil tetapi mencatakan jumlah kes yang paling tinggi setiap tahun berbanding negeri yang lain. Berdasarkan isu penyalahgunaan ketum ini, terdapat kajian yang dijalankan sebelum ini yang berkaitan dengan penyalahgunaan ketum di Kedah dan Perlis , tetapi tidak ada kajian yang mengupas dengan lebih lanjut mengenai faktor-faktor penyalahgunaan ketum atau nama saintifiknya *Mitragyna speciosa*.

Apa yang menyediakan adalah, golongan remaja juga turut menyumbang terhadap statistik kes penyalahgunaan ketum. Walaupun golongan remaja menunjukkan bacaan yang kecil, namun harus diingat bahawa remaja merupakan tunjang utama pembangunan negara pada masa hadapan dalam melahirkan generasi pemimpin pada masa hadapan. Menurut Noor Hafizah Mohd Haridi, Ahmad Munawar Ismail, Maizan Mat@Muhammad, Norsaleha Mohd Salleh (2017), golongan muda yang cemerlang dalam pelbagai aspek seperti akademik, kemahiran, sahsiah dan jati diri amat diperlukan untuk menyumbang secara positif kepada kecemerlangan dan pengukuhkan ekonomi serta masa depan negara.

Jika dilihat daripada kajian-kajian yang lepas, kebanyakan dapatan adalah berbentuk umum dan tidak dikhususkan kepada golongan remaja. Jadi, apabila dapatan kajian adalah secara umum, ia mungkin tidak mewakili dapatan sebenar daripada konteks penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja terutamanya remaja. Oleh sebab itu, di dalam kajian ini, pengkaji ingin menfokuskan kepada skop kajian yang melibatkan penyalahgunaan ketum dalam golongan remaja di Felda memandangkan kebanyakan kes rampasan berlaku di kawasan Felda.

Jadi, melalui kajian ini, pengkaji ingin melihat tren semasa penyalahgunaan ketum terutamanya syabu bagi remaja Felda di negeri Perlis. Hal ini adalah kerana tren penyalahgunaan ketum jenis juga

mungkin berubah dari semasa ke semasa. Singh et.al (2017) melalui kajian yang dilakukan mendapati bahawa air ketum sudah lama digunakan di Asia Tenggara sebagai rawatan tradisional dan juga digunakan sewaktu majlis keraian di kampung. Namun, sekarang, ia digunakan sebagai pengganti kepada dadah jenis opiat dan juga ada yang menggunakan untuk meningkatkan *euphoria*.

Oleh itu, wajarlah kajian ini dijalankan untuk mengkaji dengan lebih lanjut berkaitan dengan penyalahgunaan ketum yang berlaku dalam kalangan remaja khususnya remaja Felda.

Objektif Kajian

Antara objektif kajian yang hendak dijalankan adalah untuk:

- Meneroka faktor-faktor yang mempengaruhi penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja Felda di Perlis.
- Memahami tren penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja Felda di Perlis.

METODOLOGI KAJIAN

Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian kes dengan menjalankan temubual dengan beberapa klien yang bersesuaian. Kaedah ini memerlukan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta melakukan pemerhatian. Menurut Yin (1994), kajian kes adalah suatu strategi kajian komprehensif, bukannya teknik pengumpulan data. Yin (1994) juga menyatakan bahawa kajian kes lebih sesuai dijalankan sekiranya peristiwa atau fenomena sukar dikawal oleh penyelidik. Ia juga sesuai digunakan sekiranya fokus kajian ialah fenomena kontemporari dalam kehidupan sebenar. Manakala Meriam (1998), pula berpendapat bahawa ia juga boleh berupa suatu penelitian mendalam terhadap sesuatu keadaan atau suatu bentuk dokumen yang tersimpan atau suatu peristiwa tertentu.

Kajian bertumpu kepada 5 orang responden yang dipilih secara persampelan bertujuan yang menggunakan teknik *snowball*. Mereka ini merupakan remaja yang tinggal di Felda di sekitar negeri Perlis yang terlibat dengan penyalahgunaan ketum. Menurut Carpenter et al (2007), persampelan bertujuan merujuk kepada pemilihan disengajakan kepada individu-individu khusus, kejadian atau persekitaran berdasarkan

maklumat-maklumat penting yang boleh mereka beri yang tidak boleh didapati daripada saluran-saluran lain.

DAPATAN KAJIAN

Jadual 1: Ringkasan Latar Belakang Informan Kajian

| Nama | Umur | Status | Tempoh minum air ketum |
|--------|----------|-----------------------------|------------------------|
| Aiman | 17 tahun | Pelajar | 1 tahun 6 bulan |
| Haikal | 19 tahun | Membantu ayah menoreh getah | 4 tahun |
| Ikhwan | 19 tahun | Bekerja di pasaraya | 3 tahun |
| Mat Ki | 18 tahun | Membantu ayah menoreh | 3 tahun |
| Wan | 16 tahun | Tidak bersekolah | 2 tahun |

Di dalam kajian ini, terdapat beberapa tema yang wujud daripada hasil temubual tersebut. Berikut merupakan tema yang wujud daripada temubual tersebut iaitu faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan awal, tren bagi cara pengambilan air ketum dan tren bagi Cara pergaulan bagi remaja yang terlibat dengan penyalahgunaan ketum.

Tema: Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Penglibatan Awal

Jadual 2: Rumusan faktor-faktor yang mempengaruhi remaja Felda minum ketum.

| Subtema | Responden | Kekerapan |
|-----------------------|------------|-----------|
| Pengaruh rakan sebaya | R1, R4, R5 | 3 |
| Ingin mencuba | R2, R3 | 2 |
| Kesihatan | R2, R5 | 2 |
| Kekuatan fizikal | R3 | 1 |

Berdasarkan Jadual 2 menunjukkan rumusan tema faktor-faktor yang mempengaruhi remaja Felda minum ketum. Bagi R1, R4 dan R5 berkongsi bahawa faktor yang mempengaruhi penglibatan awal mereka untuk minum air ketum adalah berpunca daripada rakan sebaya. Manakala bagi R2 dan juga R3 pula berkongsi bahawa faktor penglibatan awal mereka untuk minum air ketum adalah daripada faktor ingin mencuba. R2 dan R5 juga berkongsi juga bahawa mereka juga minum air ketum disebabkan

disebabkan kesihatan. R3 juga berkongsi bahawa beliau minum air ketum untuk mendapatkan kekuatan fizikal.

Bagi tema pengaruh rakan sebaya, contoh-contoh verbatimnya adalah seperti berikut:

1. *Mula-mula tu, jumpa kawan..time tu tak minum lagi kan...Jumpa kawan tu dia suruh rasa dulu..sedap ka dak..waktu mula-mula tu tolak jugak pelawaan kawan..Lepas tu dia pelawa lagi..lama-lama terjebak.(Aiman)*
2. *Kira mula-mula tu kawan dok pelawa. Banyak kali jugak. Kadang dok p melepak dia dok sua. Mula-mula dok tolak jugak jugak. Tapi bila dah dua tiga hari depa dok pelawa jadi tu yang minum jugak tu. (Mat Ki)*
3. *Mula-mula tak sangkut lagi. Beberapa hari lepas tu, kawan pelawa lagi minum ayaq biak tu. (Wan)*

Bagi tema ingin mencuba pula, contoh-contoh verbatimnya adalah seperti berikut:

1. *Haikal start minum ayaq ni sebab teringin nak cuba sebab ada yang kata minum ayaq ni sedap. (Haikal)*
2. *Waktu tu dok nampak kawan2 dok beli la. Bila dah selalu nampak depa dok beli, mula timbul rasa teringin nak cuba. (Ikhwan)*

Bagi tema kesihatan pula, contoh-contoh verbatimnya adalah seperti berikut:

1. *Ada yang kata minum ni ubat. Jadi, dok teringin nak cuba jugak macam manapun. Lagipun dulu ada sakit, tenat. Dok dengaq dari orang tua ni yang ayaq ni orang dulu pun dok minum cuma untuk ubat untuk buat kerja..Jadi, kalau nak buat kerja jadi larat. (Haikal)*
2. *Wan mula-mula tu sakit perut. Lepaih tu, ada kawan habaq try minum ayaq biak. Depa kata lega. Saya pun minum (Wan)*

Manakala bagi tema kekuatan fizikal pula, contoh verbatimnya adalah seperti berikut:

1. *Kadang-kadang tu kalau time buat keja teruk. Sebab dari kecik lagi dok tolong ayah tiri buat keja teruk. Dok tolong ayah tiri bila dia bawa lori. Kiranya start dari tingkatan 3 dok tolong dia bawa lori simen dan juga angkut skrap.(Ikhwan)*

| Jadual 3: Rumusan Bagi Tujuan Penglibatan Dengan Rakan Sebaya | | |
|---|------------|-----------|
| Subtema | Responden | Kekerapan |
| Tidak mengharapkan bekalan | R1, R3 | 2 |
| Mengharapkan bekalan | R2, R4, R5 | 3 |

Berdasarkan Jadual 3 menerangkan mengenai tujuan penglibatan dengan rakan sebaya. Bagi harapan mereka terhadap rakan-rakan mereka tersebut, R1 dan R3 tidak mengharapkan bekalan daripada rakan-rakan mereka tersebut. Bagi R2, R4 dan R5 pula, mereka mengharapkan agar kawan beliau dapat memberikan bekalan air ketum jika mereka kehabisan stok.

Bagi tema tidak mengharapkan bekalan, berikut merupakan contoh-contoh verbatimnya:

1. *Saya tak harapkan apa-apa pun daripada kawan-kawan saya.* (Aiman)
2. *Saya tak harapkan apa-apa pun dari depa.* (Ikhwan)

Bagi tema mengharapkan bekalan, berikut merupakan contoh-contoh verbatimnya:

1. *Waktu mula-mula tu memang Haikal harap depa boleh support time kita putus tak dak stok. Dan kalau Haikal teruk pun Haikal boleh harapkan depa.* (Haikal).
2. *Kalau macam kita tak dak stok ka, harapnya depa boleh tolong spon atau topup stok time tu.* (Mat Ki)
3. *Kalau kita tak dak, depa boleh la bagi ayaq depa sikit kan. Kalau kita tak dak depa pun tak kita kena cari sendiri.* (Wan)

Tema: Tren Cara Pengambilan Air Ketum

Jadual 4: Rumusan Bagi Tren Cara Pengambilan Air Ketum Berdasarkan Keaslian Rasa

| Subtema | Responden | Kekerapan |
|--------------------|-----------|-----------|
| Biasa ke dua rasa | R1,R2 | 2 |
| Terus dua rasa | R3 | 1 |
| Biasa ke tiga rasa | R4 | 1 |
| Terus tiga rasa | R5 | 1 |

Berdasarkan Jadual 4, jadual menunjukkan rumusan bagi tema pengambilan air ketum berdasarkan keaslian rasa. Bagi cara pengambilan ketum, dari segi kategori air ketum, R1 dan R2 berkongsi bahawa beliau bermula dari air ketum biasa dan sekarang mereka minum yang jenis dua rasa iaitu yang dicampur dengan ubat batuk. Bagi R3 pula bermula dengan mengambil jenis kategori dua rasa. Bagi R4 pula, beliau bermula dengan kategori air ketum biasa dan terus kepada ketagori 3 rasa iaitu yang dicampur ubat batuk dan air coke. Manakala bagi R5 pula terus bermula dengan kategori 3 rasa iaitu yang dicampur dengan ubat batuk dan air coke.

Bagi tema biasa ke dua rasa, contoh-contoh verbatimnya adalah seperti berikut:

1. *Bila mula-mula minum tak rasa apa..bila lama-lama minum mula dia rasa nak lagi..selalunya saya minum campur dengan ayaq ubat..depa panggil dua rasa. (Aiman)*
2. *Bila minum mula-mula tu rasa nak telan tak boleh..Waktu tu yang kosong..Lepas tu dalam berapa tahun lepas tu minum campoq coke. Yang ni depa panggil dua rasa. (Haikal)*

Bagi tema terus ke dua rasa, berikut merupakan contoh-contoh verbatimnya:

1. *Waktu mula-mula amik tu amik yang jenis campoq.ayaq coke dengan ayaq biak. (Ikhwan)*

Bagi tema biasa ke dua rasa, berikut merupakan contoh verbatimnya:

1. *Waktu mula-mula tu minum yang ori. Lepas tu depa suruh try yang campoq pulak. Yang campoq tu selalunya campoq ubat batuk dengan coke. Kiranya 3 rasa. (Mat Ki)*

Bagi tema terus ke tiga rasa, berikut merupakan contoh verbatimnya:

1. *Waktu first tu minum ayaq yang campoq ubat batuk dengan coca-cola. (Wan)*

Jadual 5 : Rumusan Bagi Tren Cara Pengambilan Air Ketum Mengikut Kaedah Minum

| Subtema | Responden | Kekerapan |
|-------------------------------|------------|-----------|
| Beli yang sudah siap diproses | R1 | 2 |
| Membeli dan memproses sendiri | R2, R4, R3 | 3 |

| | | |
|-------------------------------|--------|---|
| Membeli dan mencampur sendiri | R3, R5 | 1 |
|-------------------------------|--------|---|

Berdasarkan Jadual 5, jadual menunjukkan tren bagi cara pengambilan ketum mengikut kaedah minum. Bagi R1, beliau selalunya akan membeli air ketum tersebut dan tidak pernah memproses sendiri untuk membuat air ketum. Bagi R2, R4 dan R5, adakalanya mereka membeli dan adakalanya mereka membuat sendiri air ketum tersebut. Bagi R3 dan R5 pula, mereka akan membeli air ketum dan akan mencampurnya sendiri dengan air coke. Ikhwan juga mempunyai pengalaman memproses sendiri air ketum.

Bagi tema beli yang sudah siap diproses, contoh verbatimnya adalah seperti berikut:

1. *Saya selalunya beli yang dah siap diproses..Buat masa ni, saya tak pernah buat sendiri. (Aiman)*

Bagi tema membeli dan membuat sendiri, contoh-contoh verbatimnya adalah seperti berikut:

1. *Ha pernah. Pastu Haikal ambik daun kira beli kat orang la pastu Haikal balik rancik halus halus pastu masak guna ayaq panas. Tapi makan masa nak masak dia. Kalau dah habis rincik tu kena tunggu ayaq mendidih.Kena cuci bersih-bersih dulu daun tu. (Haikal)*
2. *Pernah.saja nak rasa yang buat sendiri. (Mat Ki)*
3. *Kiranya beli ayaq ketom dari supplier pastu campoq dengan ayaq coke. Tu ja la. Ikhwan selalu amik yang dua rasa. (Ikhwan)*

Bagi tema membeli dan mencampur sendiri, contoh verbatimnya adalah seperti berikut:

1. *Pernah jugak. Waktu dok kat rumah tok di Alor Setar dulu pernah jugak buat sendiri. (Ikhwan)*
2. *La ni selalunya buat sendiri. Dengan kawan. Kami beli ayaq biak kosong dengan orang. Coke dengan ubat batuk pun beli kat orang. Lepas tu kami bancuh sendiri ja. (Wan)*

Jadual 6: Rumusan Bagi Tren Cara Pengambilan Air Ketum Berdasarkan Kuantiti

| Subtema | Responden | Kekerapan |
|--------------------|---------------|-----------|
| 2 hingga 3 bungkus | R1,R3, R4, R5 | 4 |
| Sebungkus | R2 | 1 |

Berdasarkan Jadual 6, jadual menunjukkan rumusan bagi tren cara pengambilan air ketum berdasarkan kuantiti. Bagi R1, R3, R4 dan R5 kuantiti yang diambil dalam sehari ialah 2 hingga 3 bungkus sehari. R2 pula mengambil sebungkus untuk 3 hari. Kuantiti yang diambil ini menggambarkan kerbergantungan informen dengan air ketum.

Jadual 7: Rumusan Bagi Tren Berdasarkan Jenis Kelompok Rakan Sebaya

| Subtema | Responden | Kekerapan |
|-------------------------|------------|-----------|
| Felda (Kampung sendiri) | R3, R4 | 2 |
| Kampung luar | R1, R2, R5 | 3 |

Berdasarkan Jadual 7, jadual menunjukkan rumusan bagi tren berdasarkan jenis kelompok rakan sebaya. R3 dan R4 berkongsikan bahawa kawan rapat mereka adalah dari Felda. Manakala R1, R2 dan R5 berkongsikan bahawa kebanyakan kawan rapat yang sama-sama minum air ketum adalah dari kampung lain.

Bagi tema kampung Felda, contoh-contoh verbatimnya adalah seperti berikut:

1. *Ada dua orang.Dok kampung ni juga. Depa ni sama -sama minum jugak. Depa sekolah sekali dengan saya. (Mat Ki)*
2. *Ada 3 orang kawan rapat. Depa dok kampung luq.Depa ok ja. Cuma kalau kadang-kadang tak minum tu depa akan marah kita. La ni jarang melepak sebab PKP kan. Cuma kalau keluaq tu sebelah petang. Masing-masing minum yang masing-masing. (Wan)*

Bagi tema kampung luar pula, contoh-contoh verbatim adalah seperti berikut:

1. *Kalau di sini tak dak..kalau di luar ada.. Kawan-kawan yang sama minum air...lepas tu depa ambil macam-macam. (Aiman)*
2. *Kalau nak ikutkan kawan rapat banyak kat luar. Dalam kampung ni ada la 2 3 orang kawan. Tapi jarang la ni nak keluaq lepak sekali. (Haikal)*
3. *Kalau kat kampung ramai kawan. Tapi tak ramai yang ambik. Kalau macam 20 orang kawan dalam 2 3 orang ja la yang ambik. Kita dok dengan sepupu pun, sepupu pun tak ambik. (Ikhwan)*

PERBINCANGAN

Faktor-Faktor Pengambilan Air Ketum

Berdasarkan dapatan bagi faktor-faktor ini, tema pengaruh rakan sebaya dilihat menunjukkan kekerapan yang tertinggi berbanding faktor-faktor yang lain. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Samihah Khalil @Halim, Rusniah Ahmad dan Siti Alida John Abdullah (2014) berkenaan dengan Penyalahgunaan Ketum dalam Kalangan Belia Kedah dan Perlis turut mendapati bahawa bahawa belia yang berusia dalam lingkungan 12 sehingga 29 tahun merupakan golongan yang sering mencampurkan air ketum dengan bahan lain dan perkara ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan rasa yang lebih sedap dan disebabkan oleh pengaruh rakan. Menurut Abdullah al-Hadi et al. 2001, rakan sebaya juga dikenal pasti mempunyai pengaruh terhadap masalah ketagihan rokok, dadah dan alkohol di kalangan remaja berusia 18 tahun selain dari pengaruh ibu bapa dan persekitaran

Selain itu, antara faktor lain yang mendorong penglibatan awal mereka untuk minum air ketum adalah kerana ingin mencuba. Dapatan ini juga disokong oleh kajian yang dilakukan oleh Samihah Khalil@ Halim et.al (2014) yang menyatakan bahawa Ada dalam kalangan mereka yang suka meluangkan masa melihat dan terlibat dengan kegiatan yang tidak sihat kerana ingin mencari rakan, berinteraksi dengan rakan sebaya yang ‘sekepala’ dengan mereka serta mencuba perkara baru kerana ingin tahu atau untuk menghilangkan tekanan. Dapatan ini turut disokong oleh teori pembelajaran sosial Bandura (1977) yang menyatakan bahawa manusia belajar melalui tingkah laku orang lain. Hal ini yang berlaku di dalam konteks remaja Felda yang minum air ketum yang mana kebanyakan daripada informan terpengaruh dengan tingkah laku rakan mereka yang minum air ketum sehingga menyebabkan perasaan ingin mencuba dalam diri mereka untuk minum air ketum.

Dapatan kajian juga turut mendapati bahawa faktor penglibatan awal mereka minum ketum adalah disebabkan kesihatan antaranya untuk mengubati informan yang mengalami sakit perut. Dapatan ini juga disokong oleh Hassan et al. (2013) yang menyatakan bahawa di Asia Tenggara, daun ketum telah digunakan secara tradisional kerana nilai perubatannya dalam merawat masalah perubatan ringan seperti demam, cirit-birit, diabetes, sakit dan sebagai penyembuh luka.

Selain itu, antara dapatan mengenai faktor penglibatan awal mereka dalam penyalahgunaan ketum adalah untuk mendapatkan kekuatan fizikal. Dapatan ini disokong oleh Suwanlert, (1975); Assanangkornchai et al., (2007a); Saingam et al., (2012); Vicknasingam et al., (2010); Ahmad dan Aziz, (2012) yang menyatakan bahawa golongan pekerja seperti petani, penoreh getah, nelayan, dan pengendali mesin biasa menggunakan ketum untuk meninggalkan kesan seperti candu untuk meningkatkan daya tahan fizikal dan sebagai kaedah untuk mengatasi tekanan.

Tren Pengambilan Ketum

Cara Pengambilan

Jika dilihat daripada hasil dapatan, terdapat pelbagai tren yang diperolehi daripada kajian tersebut. Antaranya ialah berkenaan dengan cara pengambilan, kelompok rakan sebaya dan persekitaran.

Bagi cara pengambilan, pengkaji melihat beberapa skop antaranya ialah dari keaslian rasa, kaedah proses dan juga kuantiti. Bagi cara pengambilan berdasarkan keaslian rasa, terdapat 4 jenis kategori cara pengambilan dan kategori keaslian rasa dari rasa biasa ke dua rasa menunjukkan kekerapan yang tertinggi berbanding kategori yang lain. Dapatan ini disokong oleh Tungtananuwat dan Lawanprasert (2010) yang menyatakan bahawa ketum mempunyai rasa pahit dan oleh itu sesetengah individu lebih suka mencampurkan minuman ketum mereka dengan minuman manis sebagai contoh Coca-Cola, Pepsi dan lain-lain. Menurut Darshan Sing et al. (2019), terdapat juga pengguna ketum meminum minuman mereka dengan bahan berbahaya yang lain seperti sirap batuk dan pil tidur. Di Malaysia, terdapat tren campuran air ketum yang dikenali sebagai koroi (Coca - Cola, sirap batuk, dan jus ketum), perlahan-lahan menjadi popular di kalangan pengguna ketum berusia muda dan tua di komuniti. Penggunaan koroi dilaporkan memberikan tahap *high* yang lebih baik. Malah, mereka yang ingin merawat masalah pergantungan dadah dan alkohol mereka sendiri juga menggunakan koroi (Tanguay, 2011).

Bagi cara pengambilan mengikut kaedah pengambilan, kebanyakan informan lebih gemar membeli dan membuat sendiri air ketum yang diminum. Di Malaysia, ketum biasanya diminum sebagai larutan (disebut jus atau teh) yang terbuat dari daun ketum rebus (Singh et al., 2014). Setiap bungkus jus ketum (mengandungi antara 250 hingga 300 ml jus ketum

segar) biasanya dijual di Malaysia pada harga RM5 (USD = 1.20; Singh et al., 2014). Ia boleh dibeli dengan mudah dari pengedar ketum secara haram dalam komuniti.

Bagi cara pengambilan mengikut kuantiti pula, kebanyakan informan mengambil 2 hingga 3 bungkus air ketum dalam sehari. Dapatkan ini disokong oleh Samihah Khalil @Halim yang menyatakan bahawa perbuatan meminum air ketum dalam kuantiti yang banyak atau mencampurkan air ketum tersebut dengan bahan-bahan lain bagi tujuan mendapatkan kesan khayal inilah yang dikategorikan sebagai penyalahgunaan tersebut. Dapatkan kajian ini juga disokong oleh Singh et al. (2019) yang menyatakan bahawa 60 peratus daripada responden iaitu 69 daripada 116 orang mengambil lebih dari 3 gelas air ketum sehari. Suwanlert (1975) dan Ahmad dan Aziz (2012) juga menyatakan bahawa pengguna biasa biasanya mengambil air ketum sekurang-kurangnya 3 kali sehari dalam jumlah yang berbeza-beza.

Cara Pergaulan

Cara pergaulan juga memainkan peranan penting untuk melihat tren pengambilan ketum dalam kalangan remaja Felda. Bagi cara pergaulan, ia melihat kepada skop jenis kelompok dan juga harapan bagi pergaulan tersebut. Bagi jenis kelompok rakan sebaya, kebanyakan informan lebih selesa untuk berkawan dengan rakan dari kampung luar. Namun, ada juga dalam kalangan informan yang mempunyai kelompok rakan sebaya yang tinggal di Felda. Dalam pergaulan tersebut juga, kebanyakan informan mengharapkan agar rakan-rakan mereka dapat memberi bekalan kepada mereka jika mereka keputusan bekalan stok air ketum. Menurut Samihah Khalil @ Halim et al. (2014), boleh dikatakan bahawa golongan belia yang masih cenderung menggunakan ketum hanya kerana mengikut rakan masih adalah dalam kategori pengguna dan mereka tidak akan menggunakan sekiranya tidak berada di dalam kumpulan sosial mereka tersebut. Jadi, jelaslah bahawa cara pergaulan juga dapat menerangkan mengenai tren pengambilan air ketum dalam kalangan remaja Felda.

Kepentingan Kajian

Kajian ini penting dalam menjelaskan sebab belia mengamalkan air ketum seterusnya memberi input kepada para profesion bantuan seperti pekerja

sosial, kaunselor dan agensi berkaitan terutamanya Felda dalam merangka dan melaksanakan intervensi dan program yang bersesuaian.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN

Kajian yang dijalankan ini mempunyai limitasi tertentu seperti bilangan informan kajian yang kecil, melibatkan informan berbangsa Melayu sahaja dan menggunakan kaedah kualitatif. Kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif mempunyai kelebihan dan kekurangannya yang tersendiri. Jadi, penyelidik mencadangkan agar kajian tentang amalan penggunaan daun ketum dilaksanakan secara “mix method” iaitu mengabungkan kaedah penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Apabila kedua-dua kaedah digabungkan ianya dapat memberi maklumat dan data yang terperinci mengenai amalan penggunaan daun ketum dalam kalangan belia.

Selain itu, penyelidik juga mendapati bahawa kajian ini boleh diperluaskan dengan melibatkan beberapa agensi penguatkuasaan dan pihak-pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang secara langsung dalam membantu kelompok remaja yang menyalahgunakan ketum. Penglibatan kajian secara menyeluruh oleh agensi kerajaan seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Agensi Anti Dadah Malaysia (AADK), dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menjadikan penyelidikan lebih holistik. Penyelidikan dalam skala lebih besar membolehkan suatu modul rawatan dan pemulihan khusus kepada remaja yang terlibat dengan penagihan ketum diperkenalkan pada masa akan datang.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, kajian ini telah dibahagikan kepada lima bab bagi mengkaji penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja Felda. Persoalan kajian ini adalah untuk mengetahui faktor-faktor penyalahgunaan serta tren peyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja Felda. Secara keseluruhannya, hasil kajian ini telah berjaya menjawab persoalan kajian yang mana dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat 4 tema yang dibincangkan berkenaan dengan faktor dan 2 tema besar yang membincangkan mengenai tren penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja Felda.

Oleh hal yang demikian, berdasarkan dapatan kajian yang diperolehi, diharapkan agar ia sedikit sebanyak memberi kesedaran kepada pihak-pihak yang terlibat dalam memastikan bahawa isu berkaitan dengan

penyalahgunaan ketum dalam kalangan remaja Felda dapat dibendung daripada terus berleluasa. Hal ini adalah kerana generasi remaja Felda kini merupakan pelapis yang bakal meneruskan legasi pembangunan Felda yang telah dibangunkan sejak sekian lama oleh mantan Perdana Menteri yang Kedua iaitu Tun Abdul Razak bin Hussein.

RUJUKAN

- Abdullah al-Hadi Muhammed, Rorzumah Baharudin, Rumaya Johari, Mansor Talib, Tan Jo-Pei, Asnarulkhadi Abu Samah & Amna Md. Noor. 2001. Laporan Akhir Kajian Salah laku di kalangan Pelajar Sekolah Menengah dan Rendah: Implikasi untuk Polisi. Serdang: Fakulti Ekologi Manusia, Universiti Putra Malaysia. Abul Qasem, Muhammad. 1975.
- Ahmad, K., Aziz, Z., 2012. *Mitragyna speciosa use in the northern states of Malaysia: a cross-sectional study*. *J. Ethnopharmacol.* 141, 446–450.
- Akta Racun 1952 (Akta 366). Percetakan Negara. Malaysia
- Arieff Salleh Rosman dan Wardah Mokhtar (2006). *Membentuk Jati Diri Remaja*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Asmah Ali & Zulekha Yusof. (2004). *Salahlaku Sosial Remaja Kini: Cabaran dan Penyelesaian*. Kertas Kerja Dibentang Pada Seminar Pembangunan KeluargaKebangsaan Mei 2004. Universiti Malaya.
- Azemi Shaari (2015). *Relationship between Family Attachment and Resilience Among Secondary School Students Abusing Mitragyna Speciosa (Ketum, Kratom or Kratum)*.
- Azizi Yahaya & Rosnah Buang (2007). *Punca Berlakunya Masalah Gejala Gengsterisme Di Kalangan Remaja Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Empat Buah Negeri*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Pendidikan.
- Badlihisham Mohd Nasir, Anuar Puteh, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mohktar & Abu Dardaa . Gejala Sosial Di Felda Gugusan Chini Pahang: Faktor Dan Cara Mengatasinya1 Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014; Dakwah dan Etnik: Perspektif Multi-Disiplin Disunting oleh: Anuar Puteh & Ahmad Irdha Mokhtar. © Pusat Kajian Dakwah Orang Asli dan Pribumi, UKM, Bangi, Selangor.
- Bandura, A. (1977). Self-efficacy: Toward a unifying theory of behavioral change. *Psychological Review*, 84(2), 191–215

-
- Barnes, H. L. & Olson, D. H. (1985). Parent-Adolescent Communication and the Circumplex Model. *Child Development*. 56. 438-447.
- Charles Veltri & Oliver Grundmann .(2019).Current perspectives on the impact of Kratom use. *US National Library of Medicine National Institutes of Health*
- Darika Saingam, Sawitri Assanangkornchai, Alan F Geater, Quantar Balthip Pattern & consequences of krathom (*Mitragyna speciosa* Korth.) (2013). use among male villagers in southern Thailand: a qualitative study. *International Journal Drug Policy*, 24(4), 351-8
- Darshan Singh, Suresh Narayanan, Christian P.Muller,Marc Nelson Jeng Yeou Chear, Eshal Bin Dzulkapli, Nur Sabrina Mohd. Yusoff, Dinesh Sangarran Ramchandram, Fransisco leon, Christoper R. Mc. Curdy, & Balasingam Vicknasingam (2019). Motives for using Kratom (*Mitragyna speciosa* Korth) among regular users in Malaysia. *Journal of Ethnopharmacology*, 233, 6 April 2019, 34-40
- Darshan Singh ,Suresh Narayanan,Shariffah Suraya, Azlin Saref (2020). Public Perceptions toward Kratom (*Mitragyna Speciosa*) Use in Malaysia. *Journal of Psychoactive Drugs*. 52, 3.
- Douvan, E. & Gold, M. (1966). Model Patterns in American Adolescence. In L. M. Hoffmann (Ed.), *Review of Child Development Research* (Vol. 2). New York: Russell Sage Foundation.
- Elaine Hart, Fire Erowid, Earth Erowid, Nicole Trabold, Kaila Yee, Kimberly A. Parkhurst, Brittany M. Priddy & Zach Walsh (2015). Experiences of Kratom Users: A Qualitative Analysis. *Journal of Psychoactive Drugs*, 47, 5.
- Hamidah Sulaiman. (2006). *Pendidikan Islam dan pengaruh persekitaran dan kemajuan: Kesan kepada pembentukan sahsiah*. Dlm. *Masalah Pendidikan*, 28, hlm. 71-78. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Hassan, Z., Muzaimi, M., Navaratnam, V., Yusoff, H.M., Suhaimi, F.W., Vadivelu, R., Vicknasingam, B.K., Amato, D., Horsten, S.V., Ismail, N.I.W., et al., 2013. From kratom to mitragynine and its derivatives: physiological and behavioural effects related to use, abuse, and addiction. *Neurosci. Biobehav. Rev.*, 37(2), 138–151
- Ishak, Noor Azniza and Mustaffa, Jamaludin and Mohamed, Mahmood Nazar and Ab Hamid, Kamal and Shaari, Azemi and Hamzah, Mohd Hilmi (2015). *Kajian penyalahgunaan daun ketum*

-
- dalam kalangan pelajar sekolah menengah di negeri Kedah dan Perlis. Project Report. Universiti Utara Malaysia, Sintok.
- Jackson, S., Bijstra, J., Oostra, L. and Bosma, H. (1998). Adolescents' Perceptions of Communication with Parents Relative to Specific Aspects of Relationships with Parents and Personal Development. *Adolescence*. 21(3), 305-322.
- Kamarudin Bin Ahmad (2012). Mitragna Speciosa: A Systematic Review Of Its Pharmacology And Survey Of Its Use In The Northern States Of Malaysia Dissertation Submitted In Fulfilment Of The Requirement For Degree Of Master Of Medical Science
- Kamus Dewan Edisi Keempat (20). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahyuddin Shaari. (2009). Memahami ilmu perkembangan dan pertumbuhan kanak-kanak bagi pendidikan berkesan. Dlm. *Jurnal Pendidikan Islam*. Jil. 13. Bil. 2. Julai 2009.
- Maura O' Keefe (1995). Predictors of Child Abuse in Maritally Violent Family. *Interpersonal Violence*. 10(1), 3-21
- Mohd. Ali Hassan (2004). Masalah disiplin dan jenayah di kalangan pelajar-pelajar sekolah di Malaysia. Nota forum Seminar Kebangsaan Pencegahan Jenayah Faktor Persekutuan Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri 171 Juvana Menurut Perspektif Islam, Institut Kefahaman Islam (IKIM) dan Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia, 10-11 Februari.
- Ma'ruf Redzuan (2003). *Psikologi Sosial*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mahmood Nazar Mohamed (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. (1992). *Akhlaq Dan Tasawuf*. Selangor: Yayasan Salman.
- Montemayor, R. and Hanson, E. (1985). A Naturalistic View OF Conflict Between Adolescents and Their Parents and Siblings. *Early Adolescence*. 5(1), 23-30.
- Najati, Muhammad Uthman. (1993). *Al-Hadith al-Nabawiy wa 'Ilmu al-Nafs*. Beirut: Dar alSyuruq.
- Norruzyati Che Mohd Nasir & Norhafizah Abd. Hamid (2016). Eksplorasi Penggunaan Ketum Dalam Kalangan Belia Di Negeri Kedah. *Jurnal Pembangunan Sosial* Jilid 20: 1–14

-
- Nutsara Chongrattanakon, Bang-On Thepthien & Seo Ah Hong (2018). Prevalence And Psycho-Social Determinants Of Kratom (*Mitragyna Speciosa*) Juice Cocktail Consumption Among Youth In Surat Thani Province, Thailand. *Journal Of Substance Use*, 23(2).
- Othman Lebar (2009). *Penyelidikan Kualitatif Pengenalan Kepada Teori dan Method*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Lebar (2018). *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode (Edisi Kedua)*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pranee Laimputtong (2014). *Kaedah Penyelidikan Kualitatif Edisi Ketiga*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Piaget, J. (1972). Intelectual Evolution From Adolescence to Adulthood. *Human Development*. 15. 1012.
- Prozialeck, W. C., Jateen, K. J., & Shridhar, V. A. (2012). Pharmacology of Kratom: An Emerging Botanical Agent With Stimulant, Analgesic and Opioid-Like Effects. *Journal of the American Osteopathic Association*, 112(12), 792-799.
- Renfrew, J. W. (1997). *Aggression And Its Causes: A Bio Psychosocial Approach*. New York: Oxford Universiti Press.
- Rosnah Binti Manab (2013). *Kajian Faktor Risiko Belia Terlibat Dengan Penyalahgunaan Bahan Di Kawasan Bandar Di Negeri Johor*. Universiti Teknologi Malaysia.
- Rozmi Ismail, Nor Azri Ahmad, Fauziah Ibrahim, Salina Nen (2017). Pengaruh Faktor Individu, Keluarga dan Persekutaran Sosial Terhadap Tingkah Laku Penyalahgunaan Bahan dalam Kalangan Remaja (The Influence of Individual, Familial and Social Environmental Factors Towards Substance Abuse Behavior among Adolescents). *Journal Of Southeast Asia Social Science And Humanities*
- Satariya Trakulsrichai, Achara Tongpo, Charuwan Sriapha Sunun Wongvisawakorn, Panee Rittilert, Sming Kaojarern & Winai Wanankul (2013). Kratom Abuse in Ramathibodi Poison Center, Thailand: A Five-Year Experience *Journal of Psychoactive Drugs*, 45(5).
- Sawitri Assanankornchai, Alan F.Greater & Quantar Balthip (2013). Pattern and consequences of krathom (*Mitragyna speciosa* Korth.)

-
- use among male villagers in southern Thailand: A qualitative study. *International Journal of Drug Policy*, 24(4), July, 351-358.
- Samihah Khalil@Halim, Rusniah Ahmad & Siti Alida John Abdullah. (2014). *Penyalahgunaan Ketum dalam Kalangan Belia di Kedah dan Perlis*: Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Sawitri Assanangkornchai, Prince of Songkla University, Hat Yai, Songkhla, Thailand, Anocha Muekthong, Nisan Sam-angsri & Uriwan Pattanasattayawong (2007). The Use of *Mitragynine speciosa* (“Krathom”), an Addictive Plant, in Thailand. *Journal Substance Use & Misuse*, 42(14).
- Stake, R. E. (2000). Case Studies. In N. K. Denzin, Lincoln, Yvonna S. (Ed.), *Handbook of Qualitative Research* second edition (pp. 134-164).
- Suwanlert, S. (1975). A study of kratom eaters in Thailand. *Bull.Narcot.* 27(3), 21-27
- Tungtanawanut, W., Lawanprasert, S., (2010). Fatal 4 × 100; home-made kratom juice cocktail. *J. Health Res.* 24(1), 43–47
- Yin, R., (1994). *Case study research: Design and methods* (2nd ed.). Beverly Hills, CA: Sage Publishing. Yin, R., And Moore,
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf (2012). Faktor Persekutaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri (Social Environmental Factors And Their Relation To Identity Formation Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia. *Jurnal Hadhari Special Edition* (2012) 155-172.
- Zainal Madon & Mohd. Sharani Ahmad (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. Bentong: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2012). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka
- Zaleha Sulaiman (1995). Pengurusan Pencapaian Akademik Pelajar Sekolah Menengah di Luar Bandar: Kes Empat Buah Sekolah Menengah di Negeri Kedah Darul Aman. Tesis Sarjana. Kedah: Universiti Utara Malaysia. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1,115-140.

Capaian dari laman web:

-
- Dua puluh peratus pelajar terlibat dengan ketum .dicapai pada 5 Jun 2020 daripada <https://www.sinarharian.com.my/politik/pelajar-menengah-di-perlis-penagih-air-ketum-1.292951>
- Fatwa berkaitan ketum. Dicapai pada 6 Jun 2020 daripada <http://esmaf.islam.gov.my/esmaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/12338>
- Norkumala binti Awang, Ketum: Fahami Manfaat Dan Mudaratnya.16/04/2018 Dicapai pada 5 Jun 2020 daripada <http://www.ikim.gov.my/index.php/2018/04/16/ketum-fahami-manfaat-dan-mudaratnya/>
- Nurhafizah bt. Hasan .(2014). Penyalahgunaan Daun Ketum. Dicapai pada 6 Jun 2020 daripada <http://www.myhealth.gov.my/penyalahgunaan-daun-ketum>
- Samihah Khalil. (2016). Potensi ketum sebagai rawatan alternatif. Dicapai pada 8 Jun 2020 daripada <http://www.utusan.com.my/rencana/potensiketum-sebagai-rawatan-alternatif-1.365932>.